

Islam dan Kristian

(Di bawah ini ialah rencana pengarang majalah “*Warta Jabatan Agama Johor*”. Baca ulasannya dalam rencana pengarang kita P.Q.).

Kalau kita lihat banyaknya gereja-gereja Kristian yang telah terdiri dengan gagahnya di seluruh Tanah Melayu ini, atau di negeri Islam ini, baik di bandar-bandar, di kampung-kampung, hingga di tepi-tepi hutan, datanglah bisikan di hati kecil kita bertanya. Kenapakah bangsa-bangsa asing yang berhijrah ke negeri Islam ini beramai-ramai memasuki agama Kristian tidak memilih agama Islam yang suci ini? Sedangkan Islam agama raja negeri ini, agama kerajaan negeri ini, dan agama penduduk negeri ini, semenjak zaman Sultan Iskandar Syah Raja Melaka yang telah mangkat pada pertengahan abad yang ketiga belas?

Semasa paderi besar Kristian mendirikan gereja pertamanya di Bukit Gereja Melaka iaitu gereja: Church of Our Lady Pada tahun 1545 Masihi, pada masa itu pemeluk-pemeluk Kristian cuma di kalangan orang-orang Portugis sahaja dan sedikit dari kaum Nasrani dan Cina, tetapi batu asas yang didirikan oleh paderi besar: Saint Francis Xavier ini, telah berjaya besar, yang mana hari ini beribu-ribu buah gereja telah terdiri di seluruh negeri Islam ini, dengan penuh sesak penganutnya dari berbagai-bagai bangsa, yang telah meninggalkan agama asalnya, menerima seruan Kristian bernaung di bawah salib.

Penyiar-penyiar Kristian dari semenjak Saint Francis hinggalah hari ini, terus bergerak dengan tak berhenti-hentinya, dengan tidak mengira bertukaran kerajaan-kerajaan, seperti Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun, hinggalah di abad merdeka ini, siang malam menggemakan locengnya menyeru manusia bernaung di bawah palang salib, dengan menggunakan *mission-mission*¹, dari berbagai-bagai bangsa dan berbagai-bagai bahasa, Inggeris, Cina, Tamil, Melayu atau apa sahaja, dan telah mengorbankan berapa banyak wang yang tidak jadi perhitungan

untuk mencapai cita-citanya.


Di samping lisan, maka pengaruh tulisan juga memberi bantuan lebih besar kepada penyiar-penyiar Kristian itu melalui buku-buku, majalah-majalah, dan risalah-risalah, yang tercetak dengan banyaknya dari segala bahasa penduduk, dan dibahagi percuma, yang datang dari dalam negeri dan dari seluruh dunia. Ditambah lagi mereka mempunyai sekolah-sekolah, yang darjah pelajarannya sama tinggi dengan sekolah-sekolah kerajaan dan diiktiraf di luar dan di dalam negeri, serta mempunyai pula harta wakaf yang banyak dan bantuan yang datang dari kanan, kiri, dan dari hadapan dan belakang.

Kerana sekolah-sekolah Kristian itu mempunyai dasar pelajaran yang diiktiraf oleh pemerintah, dan mempunyai guru-guru yang terlatih baik lahir dan batin, telah dapat menarik berduyun-duyun, anak-anak dari segala bangsa dan agama termasuk sekali anak-anak Islam lelaki perempuan, yang ibarat kain putih kata Junjungan kita, bersedia menerima apa corak yang didatangkan.

Ini adalah satu tenaga yang paling besar memelopori gerakan Kristian menyebarkan agamanya kepada seluruh kaum penduduk negeri kita, yang mana kesannya telah dapat menarik bermillion-milllion kaum asing memeluk agama Kristian, sedangkan yang dapat kita seru memasuk agama Islam, agama negara, agama raja kita ini, cuma sebahagian yang terlalu kecil, cuma antara seribu lebih kurang dan itupun kebanyakannya memasuki agama kita melalui sebab-sebab yang berlainan bukan oleh seruan-seruan yang teratur, walau demikian syukur juga kita kerana dapat juga sedikit mereka yang mana lebih baik dari kosong.

Kita tidak menafikan adanya gerakan-gerakan penyiar Islam seperti Persekutuan Seruan Islam yang didirikan oleh (almarhum) Maulana Abdul Aleem al-Siddiqi seperti yang ada di Singapura, Pulau Pinang, Perak dan Melaka, juga Lujnah Pengembang Agama Islam di Muar dan Batu Pahat, tetapi gerakan kita terbatas kepada menyiar dan memberi penerangan

¹ Merujuk kepada Misi, penyebar agama Kristian.



Salah satu gereja di Kuala Lumpur.

Islam ke masjid-masjid, surau-surau dan kepada orang-orang Islam sahaja, tidak kepada orang-orang yang bukan Islam seperti orang-orang Cina Buddha, orang India Hindu dan orang-orang Nasrani yang Kristian, dan syarahan-syarahan tulisan-tulisan kita dalam bahasa Melayu kepada orang-orang Melayu sahaja. Lebih jauh dapat kita bertindak memberi penerangan kepada penganut-penganut Taslim¹ dan pengikut-pengikut ilmu salah yang datang dari dalam umat Islam sendiri.

Kecuali di masa-masa yang akhir ini ada terdapat kaum Cina yang bukan Islam mendengar beberapa syarahan berkenaan agama Islam dari pegawai agama Johor Tuan Haji Musa Ma Chin Wu, dan ini terlalu kecil dinisbahkan tenaga seorang untuk mengadap umat Cina yang lebih 3 milion jumlahnya di Persekutuan Tanah Melayu ini, apalagi kalau kita bandingkan ramainya *mission-mission* Kristian dari bangsa Cina yang bekerja siang malam dengan cukup bekal untuk kerja penyiarannya.

Gerakan Kristian bukanlah gerakan daerah, tetapi gerakan sedunia untuk manusia seluruh dunia, tidak mengira di Kutub Utara atau Selatan, di Timur atau di Barat, di lembah-lembah atau di gurun pasir di bandar atau di kampung asalkan

di sana ada manusia di sana adalah penyeru-penyeru Kristian dan adalah markasnya terdiri.

Baik di sekolah-sekolah, di hospital-hospital, di gereja-gereja atau di mana-mana sahaja, pemimpin Kristian itu berada. Berjumpalah kita dengan lelaki dan perempuan yang serba hitam atau serba putih, lemah lembut tutur bahasa sopan santun kelakuannya, seolah-olah tiap-tiap mereka kenal betul pada tiap-tiap seorang yang dihadapinya, dengan kehalusan budi dan lembut *mission-mission* inilah banyak kita tertakluk hingga tidaklah kita merasa bimbang dengan pengaruh Kristian yang telah begitu besar tersergam di hadapan mata umat Islam hatta sembahyang kita mengadap mazhab Taslim yang karut itu.

Penyiar-penyiar Kristian itu telah mengenal Islam lebih dari setengah kita mengenal agama kita, mereka tahu mengadap Islam bukan seperti mengadap pemeluk-pemeluk agama-agama asing, dan dia tahu Islam bukanlah agama yang ibarat kiambang di air. Akar terjantai-juntai, boleh diinjak-injak dialih di mana suka, sebab itulah untuk mengadap agama ini mereka mempunyai jangka panjang dan senjata yang lebih halus untuk memerangi urat saraf kita, sedikit demi sedikit falsafah hidup kita, cara pergaulan kita, cara kita bersuka ria, cara kita berkahwin dan bertunang, cara kita berjamu dan berhari raya, cara kita menghormati ibu bapa dan keluarga, dan cara kita berhari jadi dan cara kita berfikir dan beragama disesuaikan dengan falsafah mereka.

Dengan kehalusan ini hingga hampirlah kita terlupa bahawa Tuhan kita pernah berfirman:

“Lan tarḏā ‘anka al-yahūdu wa al-naṣārā hattā tattabi‘a millatahum.”

Dan akhirnya gereja sebuah yang didirikan di Bukit Melaka itu telah beranak, bercucu, dan bercicit, hingga beribu-ribu buah jumlahnya dan di dalamnya penuh sesak pemeluk-pemeluk baharu dari berbagai-bagai kaum, dan loceng-loceng itu terus bergema dengan sopannya di celah suara azan kita *Allāhu Akbar!*

¹ Kumpulan ajaran sesat.